

Disabit kelucahan melampau terhadap anak tiri, kontraktor kena 35 tahun dan 24 sebatan

KUCHING: Seorang kontraktor lelaki dipenjarakan 35 tahun dan dikenakan 24 sebatan semalam akibat mendorong anak tirinya yang berusia 10 tahun untuk melakukan perbuatan kelucahan melampau bersamanya, selain menyerang mangsa secara seksual dan kemudian mengugut mangsa.

Hakim Mahkamah Sesyen Musli Ab Hamid terdahulunya menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan 10 sebatan terhadap lelaki berusia 35 tahun itu selepas dia mengaku bersalah di bawah Seksyen 377E Kanun Keseksan.

Musli kemudian mengenakan hukuman penjara tambahan selama 17 tahun dan 10 sebatan rotan selepas tertuduh mengaku bersalah mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (SOACA 2017).

Kedua-dua pertuduhan dibacakan bersama Seksyen 16 SOACA 2017, dan meneruskannya, Musli mengenakan hukuman penjara tambahan dua tahun dan dua sebatan rotan bagi setiap pertuduhan dihadapinya.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh pemenjarannya serta diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas dibebaskan.

Dalam prosiding berasingan, Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman penjara 24 bulan ke atas tertuduh selepas dia mengaku bersalah di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksan iaitu melakukan ugutan jenayah.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah kampung di Jalan Bako sekitar jam 8 malam pada 25 Mei 2026.

Mengikut fakta kes, ter-



TERIMA PENGADILAN: Tertuduh dibawa keluar dari mahkamah selepas selesai prosiding kes, semalam.

tuduh tiba-tiba memasuki bilik air ketika mangsa sedang mandi melalui pintu bilik air yang tombolnya telah lama rosak sehingga tidak dapat dikunci.

Sebaik sahaja memasuki bilik mandi itu, tertuduh menyerang mangsa dengan cara seksual.

Tertuduh juga memaksa mangsa melakukan perkara yang tidak wajar.

Mangsa cuba melawan namun gagal kerana dikasari dan terlalu takut semasa kejadian.

Malah selepas kejadian, tertuduh turut mengugut untuk memukul mangsa jika dia memberitahu ibunya. Hal ini seterusnya menyebabkan mangsa trauma.

Ibu mangsa bagaimanapun membuat laporan polis pada 8 Jun 2026 selepas dimaklumkan mengenai kejadian itu oleh guru kelas mangsa, yang terlebih dahulu menerima maklumat daripada rakan-rakan sekelas mangsa.

Laporan polis dibuat selepas ibu mangsa dibantu oleh sepupunya memandangkan

beliau pada mulanya tidak mengetahui prosedur membuat laporan polis.

Siasatan mendedahkan bahawa mangsa telah menceritakan kepada rakan sekelasnya mengenai peristiwa serangan seksual oleh bapa tirinya.

Kenyataan mereka didapati konsisten antara satu sama lain sebelum perkara itu dimaklumkan kepada guru kelas mangsa.

Tertuduh ditahan pada 28 Julai 2026.

Dalam siasatan polis, tertuduh mengaku melakukan kesalahan tersebut.

Tertuduh turut mengaku telah merancang perbuatan itu lebih awal kerana mempunyai keinginan untuk mencubanya, selain mengambil kesempatan melakukannya ketika isterinya tiada di rumah.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Chuah Kai Sheng dan DPP Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara tertuduh tidak diwakili peguam.